

Malaysia tak punyai pandangan buruk

Oleh
WAN AHMAD HASSAN

KOTA BHARU 3 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ~~Malaysia tidak~~ mempunyai pandangan buruk terhadap kerajaan, rakyat atau syarikat-syarikat Britain.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, Malaysia kecewa dan marah kerana akhbar-akhbar di negara itu cuba menindas Malaysia dengan membuat bermacam-macam tuduhan yang tidak mempunyai asas sama sekali.

"Kita percaya tujuan mereka ialah untuk menghilangkan kredibiliti negara kita supaya sikap yang kita ambil dalam beberapa masalah dunia tidak akan dihormati oleh sesiapa," kata Perdana Menteri semasa berucap di majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan Negeri Kelantan di dewan Maktab Perguruan Kota Bharu, Pengkalan

Chepa dekat sini, petang ini.

Beliau memberitahu, akhbar-akhbar itu mahu menggambarkan seolah-olah Malaysia begitu buruk di mana rasuah berlaku sepanjang masa.

"Kita tidak dapat tentukan niat mereka kerana kita tidak boleh baca hati mereka tetapi hakikatnya serangan itu boleh memberi kesan kepada kepercayaan dunia kepada Malaysia," tegasnya.

Menguasai

Dr. Mahathir berkata, oleh kerana mereka menguasai akhbar dunia maka sebarang laporan yang dibuat oleh mereka disebarkan dengan luas ke seluruh dunia.

Penafian Malaysia, tegas Perdana Menteri, mungkin disebarkan dengan begitu meluas dan dengan itu mereka boleh mencapai matlamat mereka untuk menghilangkan kredibiliti negara ini.

"Walaupun mungkin ini bukan hasrat mereka tetapi inilah kesan dari-

pada tindakan mereka membuat laporan palsu terhadap negara kita. Sebab itu kerajaan terpaksa mengambil tindakan tidak lagi memberi kontrak kepada syarikat-syarikat British," katanya.

Katanya, sekiranya Malaysia bergantung kepada bantuan tiap-tiap tahun daripada Britain sudah pasti mereka akan mengambil tindakan balas dengan menghentikan segala bantuan itu.

"Dengan itu kita akan melutut kepada mereka. Tetapi kita bernasib baik kerana kita berjaya membangunkan negara ini tanpa bergantung kepada bantaun mereka," ujar beliau.